



TANAM... Dato Haidar Khan Asghar Khan menanam pokok sebagai simbolik perasmian program itu sambil disaksikan Muhamad Yakup dan tetamu jemputan lain di Bintulu.

115 spesies pokok ditanam

BINTULU: Sebanyak 115 anak pokok spesies tempatan dan hiasan ditanam sempena Program Penanaman Pokok bertemakan 'Memupuk Alam Sekitar Sihat' di Kelab Golf Bintulu di sini, baru-baru ini.

Antaranya adalah empat spesies nadir iaitu durian, dabai, petai dan kasai, manakala spesies pokok hutan tempatan dan hiasan pula adalah engkabang dan

asoka.

Program anjuran Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA), Kelab Golf Bintulu dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Bintulu itu dianjurkan sempena sambutan ulang tahun ke-45 BDA dan 60 Tahun Sarawak Merdeka.

Penganjuran program tersebut selaras dengan seruan

Sarawak menanam 35 juta pokok dalam menyokong agenda Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 juta pokok dalam tempoh 2021 hingga 2025.

Ia sekali gus merupakan inisiatif untuk mengurangkan kesan perubahan iklim dan pelepasan gas rumah hijau (GHG) ke atmosfera bumi yang mana kempen seumpama bertujuan menggalakkan penyimpanan karbon secara

berterusan dan mampan melalui aktiviti penanaman pokok.

Pengurus Besar BDA, Datu Muhamad Yakup Kari berkata, aktiviti penanaman pokok itu merupakan satu keperluan dan bukan pilihan demi menghadapi cabaran pada masa akan datang.

Menurutnya, program sedemikian berupaya membawa masyarakat setempat untuk sama-sama terlibat dalam membentuk bandar yang selamat didiami, kualiti persekitaran bersih dan sihat dalam menuju ke arah kelestarian hijau bandar.

"Program penghijauan berlandaskan Pelan Strategik BDA 2024-2030 bertemakan 'Ke Arah Hab Perindustrian Rendah Karbon menjelang 2030' dengan

mewujudkan suasana masa depan holistik dan seimbang dalam pembangunan dan alam sekitar," katanya.

Tegas beliau, program penghijauan itu penting bagi mewujudkan kesepakatan erat antara pelbagai agensi kerajaan dan swasta dalam bersama mengurangkan kesan perubahan iklim.

Simbolik perasmian program tersebut disempurnakan Timbalan Pengerusi BDA Dato Haidar Khan Asghar Khan.

Turut hadir, Timbalan Pengurus Besar BDA, Abdul Rahim Abdullah dan Dekan Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan UPMKB, Dr Zamri Rosli serta Pengurus Kelab Golf Bintulu, Akbar Jahan Amir Hamzah.